



**MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK
EKSA JTM
BIL. 2 TAHUN 2022**

AGENDA MESYUARAT

- * Ucapan alu-aluan Pengerusi
- * Pengesahan Minit Mesyuarat Bil.1/2022 
- * Maklumbalas Minit mesyuarat Bil.1/2022 
- * Carta Perbatuan 
- * Lain – lain hal

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA) JTM BIL 1/2022**

Tarikh	:	21 Januari 2022 (Jumaat)
Masa	:	3:00 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM
Pengerusi	:	Encik Mat Setia bin Mohd Raji Timbalan Ketua Pengarah JTM
Kehadiran	:	Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil 1 Tahun 2022.
- 1.2. Pengerusi memaklumkan pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM akan dilaksanakan dalam masa terdekat, walau bagaimanapun pelancaran akan dibuat di peringkat dalaman Ibu Pejabat sahaja.

MAKLUMAN

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.2/2021 bertarikh 24 November 2021 disahkan oleh Encik Noor Imran bin Mohamad dan disokong oleh Encik Abd Halim bin Ali Mohammed.

MAKLUMAN

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat mengambil maklum:

- 3.1 Pelan Lantai JTM berdasarkan sempadan di Aras 6 dan Aras 8 telah dilorek dengan persetujuan bersama dalam perbincangan yang dibuat antara fasilitator setiap Bahagian/Zon pada 14 Januari 2022.
- 3.2 Warna-warna yang mewakili setiap Bahagian/Zon adalah seperti berikut:
 - 3.2.1 *Diamond* (Oren) -BPL
 - 3.2.2 *Zircon* (Biru) – BKT
 - 3.2.3 *Amethyst* (Ungu) – BPP
 - 3.2.4 *Emerald* (Hijau) – BPK
 - 3.2.5 *Ruby* (Merah) - BKP

MAKLUMAN

Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan:

- 3.3 Sempadan yang telah dilorek akan menjadi tanggungjawab semua ahli Bahagian/Zon masing-masing untuk tujuan EKSA ini. Walau bagaimanapun, bagi *common area* atau kawasan umum yang dikongsi bersama Jabatan lain sebagai contoh surau dan tandas, kawasan umum tersebut tidak perlu dijadikan sempadan tanggungjawab bagi tujuan EKSA.

MAKLUMAN

Mesyuarat turut mengambil maklum:

- 3.4 Disasarkan sehingga Oktober 2022 ke arah pensijilan EKSA. Justeru, tempoh enam (6) bulan diperuntukkan bagi menilai pencapaian sasaran ini. Dalam tempoh bermula Januari sehingga Mei 2022, sebanyak dua (2) kali audit dalaman diperlukan. Sehubungan dengan itu, semua Jawatankuasa Induk iaitu Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Latihan perlu segera merancang aktiviti di peringkat masing-masing supaya selaras dengan matlamat ini.

TINDAKAN: Semua Jawatankuasa Induk

- 3.5 Selain itu, bagi tujuan pensijilan penuh EKSA juga, setiap fasilitator yang telah dilantik diwajibkan menghadiri kursus yang akan diselenggarakan oleh Jawatankuasa Latihan.

TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan

Mesyuarat telah bersetuju dan mengambil maklum:

3.6 Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA Ibu Pejabat JTM hanya akan diadakan tiga (3) bulan sekali sahaja, di mana kemajuan tindakan dan pencapaian aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh Fasilitator, Penyelaras setiap Bahagian/Zon dan semua Jawatankuasa Induk akan dilaporkan dalam mesyuarat ini. Walau bagaimanapun, ia boleh diadakan dua (2) bulan sekali sekiranya terdapat keperluan.

MAKLUMAN

3.7 Majlis pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM akan dibuat di peringkat dalaman JTM sahaja dan akan disempurnakan oleh YBrs Tuan Ketua Pengarah (KP) JTM. Tarikh dan masa akan ditentukan kemudian.

MAKLUMAN

3.8 Pada majlis pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM, polisi EKSA akan ditandatangani oleh KP JTM dan penyerahan surat pelantikan kepada semua Ketua Bahagian/Zon akan dibuat sebagai simbolik pelancaran. Sehubungan dengan itu, polisi EKSA perlu disediakan oleh Jawatankuasa Promosi sebelum majlis pelancaran berlangsung.

TINDAKAN: Urus Setia dan Jawatankuasa Promosi

3.9 Minggu EKSA akan bermula selepas pelancaran tersebut dan semua aktiviti EKSA yang melibatkan warga JTM akan dilaksanakan pada setiap hari Jumaat, walau bagaimanapun ia tertakluk keperluan dan persetujuan Ketua Bahagian/Zon masing-masing di mana keutamaan adalah kepada jadual dan kerja-kerja hakiki.

TINDAKAN: Ketua Bahagian/Zon dan semua Jawatankuasa Induk

4. **HAL-HAL LAIN**

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju:

4.1 Pemenang bagi pertandingan slogan EKSA Ibu Pejabat JTM adalah Encik Mohd Fazli bin Ramli. Slogan EKSA yang telah dipersetujui dan akan diguna pakai adalah "Kondusif Produktif Efektif". Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada Majlis Pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi


4.2 Bagi tujuan pelaksanaan aktiviti EKSA, Pengerusi mencadangkan agar setiap Ketua Bahagian/Zon menentukan jumlah kutipan yang perlu dibuat tertakluk peruntukan yang diperlukan bagi tujuan ini.

TINDAKAN: Ketua Bahagian/Zon dan Urus setia


5. **PENUTUP**

5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggukkan mesyuarat pada jam 4.30 petang.


MAKLUMAN



.....
(NURHAIZUM BINTI MAT YUSOF)
Setiausaha
Tarikh : 24 / 1 / 2022

Disemak Oleh :


.....
(AZIZUL BIN MUSTAFA)
PKP
Tarikh : 25 / 1 / 2022

Diluluskan Oleh :


.....
(MAT SETIA BIN MOHD RAJI)
TKP
Tarikh : 25 / 1 / 2022

PARA	PERKARA	MAKLUMBALAS
3.4	<p>Disasarkan sehingga Oktober 2022 ke arah pensijilan EKSA. Justeru, tempoh enam (6) bulan diperuntukkan bagi menilai pencapaian sasaran ini. Dalam tempoh bermula Januari sehingga Mei 2022, sebanyak dua (2) kali audit dalaman diperlukan. Sehubungan dengan itu, semua Jawatankuasa Induk iaitu Jawatankuasa Promosi, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Latihan perlu segera merancang aktiviti di peringkat masing-masing supaya selaras dengan matlamat ini.</p> <p>Tindakan : Semua Jawatankuasa Induk</p>	<p>Perancangan kerja JK Latihan adalah seperti di Lampiran 1.</p> 
3.5	<p>Bagi tujuan pensijilan penuh EKSA juga, setiap fasilitator yang telah dilantik diwajibkan menghadiri kursus yang akan diselenggarakan oleh Jawatankuasa Latihan.</p> <p>Tindakan: Jawatankuasa Latihan</p>	<p>Semakan dengan Seksyen Penarafan MYGPI Dan Pensijilan EKSA. MAMPU dimaklumkan bahawa tiada syarat wajib atau khusus bagi fasilitator yang dilantik di peringkat Jabatan untuk menghadiri kursus tertentu untuk tujuan pensijilan penuh EKSA.</p> <p>Adalah memadai bagi Fasilitator dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang dilantik ini diberi pendedahan dan perkongsian berkenaan kaedah pelaksanaan EKSA bersama Champion EKSA yang dilantik oleh MAMPU.</p> <p>Satu sesi SHARING KNOWLEDGE WITH CHAMPION EKSA akan diadakan pada 22 Mac 2022 bersama Champion EKSA daripada ILP Kepala Batas untuk semua Jawatankuasa Zon.</p>
3.8	<p>Pada majlis pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM, polisi EKSA akan ditandatangani oleh KP JTM dan penyerahan surat pelantikan kepada semua Ketua Bahagian/Zon akan dibuat sebagai simbolik pelancaran. Sehubungan dengan itu, polisi EKSA perlu disediakan oleh Jawatankuasa Promosi sebelum majlis pelancaran berlangsung.</p> <p>Tindakan : Urus Setia dan Jawatankuasa Promosi</p>	<p>Surat Pelantikan telah diserahkan kepada semua Ketua Bahagian/Zon semasa Majlis Pelancaran EKSA pada 4 Mac 2022. Bagaimanapun, Polisi EKSA masih belum ditandatangani oleh Ketua Pengarah JTM .</p>

PARA	PERKARA	MAKLUMBALAS
3.9	<p>Minggu EKSA akan bermula selepas pelancaran tersebut dan semua aktiviti EKSA yang melibatkan warga JTM akan dilaksanakan pada setiap hari Jumaat, walau bagaimanapun ia tertakluk keperluan dan persetujuan Ketua Bahagian/Zon masing-masing di mana keutamaan adalah kepada jadual dan kerja-kerja hakiki.</p> <p>Tindakan : Ketua Bahagian/Zon dan semua Jawatankuasa Induk</p>	<p>BKP Aktiviti gotong royong EKSA telah diadakan pada 4 Mac 2022 iaitu selepas Majlis Pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM.</p> <p>Hebahan aktiviti gotong royong EKSA di Ibu Pejabat JTM telah diwar-warkan melalui emel setiap minggu iaitu pemakluman bahawa setiap hari Jumaat, pegawai dan kakitangan diwajibkan melakukan aktiviti EKSA selama 30 minit.</p> <p>BPK Zon BPK melaksanakan aktiviti EKSA pada hari Jumaat tertakluk kepada jadual tugas hakiki ahli-ahli.</p>
4.1	<p>Pemenang bagi pertandingan slogan EKSA Ibu Pejabat JTM adalah Encik Mohd Fazli bin Ramli. Slogan EKSA yang telah dipersetujui dan akan diguna pakai adalah "Kondusif Produktif Efektif". Hadiah akan disampaikan kepada pemenang pada Majlis Pelancaran EKSA Ibu Pejabat JTM.</p> <p>Tindakan : Jawatankuasa Promosi</p>	<p>Pemenang telah diumumkan pada Majlis Pelancaran EKSA pada 4 Mac 2022 dan hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah.</p>
4.2	<p>Bagi Tujuan pelaksanaan aktiviti EKSA, Pengerusi mencadangkan agar setiap Ketua Bahagian/ Zon menentukan jumlah kutipan yang perlu dibuat tertakluk peruntukan yang diperlukan bagi tujuan ini.</p> <p>Tindakan : Ketua Bahagian/Zon dan Urus setia</p>	<p>BKP Bagi tujuan awal pelaksanaan aktiviti EKSA, BKP menggunakan wang sumbangan yang telah diserahkan oleh TKP pada 4 Mac 2022 iaitu semasa Majlis Pelancaran EKSA. Kutipan zon Ruby akan ditentukan kemudian kelak.</p> <p>BPK Zon BPK akan menetapkan perkara ini apabila diperlukan kemudian</p>

PERANCANGAN KERJA JK LATIHAN

Lampiran 1

Bil.	Aktiviti/Bulan	Jan				Feb				Mar					April					Mai				Jun					Julai				Ogos					Sept					Oct					
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	1	2	3	4	5	1	2	3	4	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	1	2	3	4	5	
1	Mesyuarat AJK Latihan Zon																																															
2	Kursus Pengenalan Eksa Siri 1 (IKBTN Dusun Tua)																																															
3	Kursus Pengenalan Eksa Siri 2 (Mampu/JPA)																																															
4	Kursus Fasilitator dan JK Zon Eksa Bersama Champion (ILP Kepala Batas)																																															
5	Lawatan Penandaarasan Eksa 1 (KKM)																																															
6	Lawatan Penandaarasan Eksa 2 (KASTAM)																																															
7	Kursus Juruaudit Dalam Eksa																																															
8	Pengauditan EKSA																																															

dirancang
 dilaksanakan
 Jlan Ramadhan

CARTA PERBATUAN EKSA INDUK 2022

PERKARA	JANUARI				FEBRUARI				MAC				APRIL				MEI				JUN			
JAWATANKUASA INDUK	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA			21 Jan Bil.1/20 22									28 Mac Bil.2/20 22												
Perlantikan Jawatankuasa Pemandu EKSA																								
Pengemaskinian Buku Panduan Pelaksanaan EKSA JTM		14-Jan																						
Penyediaan Sudut EKSA Maya JTM																								
Penyediaan Pelan Lantai Zon EKSA		14 Jan (*)																						
Pertandingan EKSA i) Mencipta Slogan EKSA JTM bermula 10 - 19 Januari 2022								4 Mac (*)																
Kursus EKSA		12 Jan (*)										22 Mac (*)												
Pengiktirafan & Penghargaan EKSA																								
Pelancaran EKSA								4 Mac																
Pengemaskinian Sudut EKSA																								

*14/1 - perbincangan bersama fasilitator dan urusetia

*12/1 - Program Wacana Minda - Kursus Pengenalan EKSA

*4/3 - Pemenang mencipta Slogan Eksa telah diumumkan

*22/3 - Kursus Sharing Knowledge With Champaion EKSA - Kesedaran dan Pembudayaan Amalan EKSA



HAL - HAL LAIN